

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26 June 2015

Potret Mahathir tidak digelapkan, mungkin masalah teknikal

PUTRAJAYA 25 Jun - Pemuda UMNO yakin potret bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di luar bangunan ibu pejabat UMNO, Menara Dato Onn di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mengalami gangguan teknikal dan bukan sengaja digelapkan seperti yang dilaporkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, tidak mungkin UMNO sengaja menggelapkan gambar (menutup lampu potret) Dr. Mahathir kerana perbuatan itu tidak masuk akal.

“Saya rasa takkanlah kita dengan sengaja nak padam (tutup lampu) gambar Dr. Mahathir. Itu tidak

masuk akal dan nampak bodoh. Saya yakin itu masalah teknikal, mungkin fuis atau sebagainya.

“Perkara ini sengaja dimainkan oleh beberapa pihak yang hendak mengeruhkan keadaan semata-mata, saya rasa ini bukan satu perkara yang serius. Ini sama seperti tindakan media tertentu memutarbelitkan kenyataan Pengerusi Mara (dalam isu pembelian pangsapuri di Australia),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Persekutuan Malaysia (FMSDC)

di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai laporan sebuah portal dan beberapa laman media sosial malam tadi yang memaparkan potret Dr. Mahathir sahaja tidak diterangi lampu berbanding enam potret Presiden UMNO yang lain di PWTC.

Sementara itu, menurut Khairy, UMNO akan melakukan siasatan dalaman berhubung tindakan beberapa lelaki yang didakwa ahli Pemuda UMNO telah membakar dua bendera DAP di Komtar, Pulau Pinang beberapa hari lalu.

Jelasnya, tindakan membakar bendera parti lain adalah tidak betul sehubungan itu siasatan perlu dilakukan.



KHAIRY JAMALUDDIN (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Jamil Salleh (dua dari kiri) dan Pengerusi FMSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin Muhamed Ali Hajah Mydin pada Majlis MoU antara Kementerian Belia dan Sukan dengan FMSDC di Putrajaya, semalam. - BERNAMA